

## KHUTBAH KHAS AIDILFITRI

### 'HAKIKAT KEMENANGAN AIDILFITRI' (01 Syawal 1446H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَدَ أُولَيَاءَهُ بِالتَّوْفِيقِ، وَأَلْهَمَهُمْ كَلِمَةَ الْحَقِّ وَالتَّصْدِيقِ،  
وَأَرْشَدَهُمْ إِلَى أَوْضَحِ مَحَاجَةٍ وَطَرِيقٍ، وَجَعَلَهُمْ بِرَحْمَتِهِ خَيْرَ أُمَّةٍ وَفَرِيقٍ،  
أَحْمَدُهُ عَلَى النِّعْمَةِ الَّتِي بِهَا حَبَانَا، وَأَشْكُرُهُ عَلَى الْمِلَّةِ الَّتِي بِهَا هَدَانَا.  
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً  
عَبْدُهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ  
وَمَنِ اهْتَدَى بِهَدْيِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ أُوْصِيَ نَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ  
وَطَاعَتِهِ.

**Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita

sentiasa berada dalam rahmat dan keredaan Allah *subhanahu wata'ala*. Pada pagi Syawal yang penuh keindahan ini, bicara khutbah kita adalah: "***Hakikat Kemenangan Aidilfitri***".

Khatib menyeru kepada seluruh umat Islam agar terus mendoakan keselamatan dan perlindungan kepada penduduk Palestin yang berterusan ditindas dan dianiaya dengan dahsyat oleh rejim zionis Israel. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* memberikan mereka kesabaran, kemenangan dan kebahagiaan di tanah air mereka sendiri. Amin ya rabbal alamin.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Pada pagi Aidilfitri yang mulia ini, kita melafazkan takbir memuji Allah *subhanahu wata'ala* untuk menyambut kemenangan. Kemenangan yang kita nikmati ini adalah hasil daripada ketakwaan yang dipupuk dalam bulan Ramadan agar kita menjalani kehidupan dengan mentaati perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi larangan-Nya. Orang yang menang dan bahagia itu bukanlah sekadar diukur pada segala kemewahan yang dimiliki, tetapi yang lebih utama ialah pada ketakwaan yang disemai dan penerimaan ibadah serta pengampunan dosa oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nur, ayat 52:

وَمَن يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشَى اللَّهَ وَيَتَّقِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ (٥٢)

**Maksudnya:** *Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan takut melanggar perintah Allah serta, menjaga dirinya jangan*

*terdedah kepada azab Allah, maka mereka lah orang yang beroleh kemenangan.*

Dalam 'Tafsir al-Tabari' menjelaskan maksud kemenangan dalam ayat tadi dengan memperoleh keredaan Allah dan akan diberikan keamanan daripada azab-Nya di akhirat kelak.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Ramadan yang berlalu meninggalkan kita dengan semangat dan motivasi untuk kita meneruskan amal ibadah dalam usaha menjadi hamba-Nya yang lebih bertakwa. Kita tidak mahu tergolong dalam kalangan orang yang didoakan oleh Jibril *alaihissalam* sebagai golongan yang malang. Daripada Ka'ab bin 'Ujrah *radiallahu anhu* katanya bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

*"Hadirlah ke mimbar! Maka kami pun hadir. Apabila baginda naik satu anak tangga mimbar, baginda berkata ((Amin)). Dan apabila baginda naik anak tangga yang kedua, baginda berkata ((Amin)). Maka apabila baginda naik anak tangga yang ketiga pun baginda berkata ((Amin)). Apabila baginda turun, kami telah bertanya, "Wahai Rasulullah, pada hari ini kami telah mendengar daripada tuan sesuatu yang belum pernah kami dengar". Baginda bersabda, ((Sesungguhnya, Jibrail alaihissalam telah muncul kepadaku dan berkata, "Binasalah seseorang yang didatangi Ramadan tetapi belum juga diampunkan". Maka aku pun berkata Amin. Apabila aku*

*naik tangga yang kedua, dia berkata, "Binasalah seseorang yang apabila nama engkau disebutkan kepadanya, tidak pula dia berselawat kepadamu. Aku juga berkata "amin". Apabila aku naik anak tangga yang ketiga, dia berkata, "Binasalah seseorang yang kedua-dua ibubapnya atau salah seorang daripada mereka telah tua tetapi mereka tidak menjadi sebab untuk dia dapat masuk syurga. Aku pun berkata "amin".*

*(Hadis riwayat al-Hakim, Ibnu Hibban, at-Tabarani dan lain-lain)*

Hadis tadi menceritakan tentang seseorang yang didatangi Ramadan tetapi masih tidak diampunkan segala dosanya. Bulan Ramadan yang penuh kebaikan dan keberkatan dilalui olehnya dengan kelalaian sedangkan dalam bulan Ramadan keampunan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala* turun seumpama hujan.

Oleh sebab itu, usaha untuk melakukan amal soleh secara istiqamah hendaklah diteruskan. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* menerima segala amal soleh kita dan memasukkan kita dalam kalangan hamba-Nya yang akan memperolehi kebahagiaan dan kesejahteraan dunia dan akhirat.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Kemenangan Ramadan mendidik kita secara bersama-sama untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran dunia dan akhirat. Justeru, pemimpin dan rakyat perlu **sederap melangkah** ke hadapan dan berganding bahu dalam membangunkan Sarawak untuk menjadikan kita sebagai Umat Islam lebih harmoni dan maju dalam semua

bidang kehidupan. **Bak kata pepatah, 'Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'**. Sebagai umat Islam yang berdaya saing, kita juga perlu memahami dan memberikan sepenuh sokongan serta turut serta dalam usaha merealisasikan segala matlamat yang telah digariskan oleh kepimpinan negeri.

Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 yang memfokuskan untuk kemakmuran ekonomi, keterangkuman sosial, dan kelestarian alam sekitar merupakan usaha dan inisiatif yang sedang rancak dilaksanakan. Penyediaan infrastruktur asas seperti jalan raya dan jambatan diberi perhatian penuh oleh kerajaan untuk kemudahan rakyat dan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di seluruh Sarawak.

Digitalisasi dan penggunaan teknologi terkini berkembang luas dalam segala sektor seperti pertanian, pembuatan dan perkhidmatan. Kesannya, produktiviti akan meningkat, menjimatkan masa dan tenaga, dan semestinya menambah pendapatan rakyat dan negeri.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Kelestarian alam sekitar adalah sangat penting untuk kesejahteraan hidup manusia. Maka usaha ke arah penggunaan teknologi hijau dan boleh diperbaharui seperti penggunaan hidrogen dan usaha-usaha yang lain semestinya akan menyumbang kepada alam sekitar yang lebih bersih dan sihat. Hal ini selari dengan firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah ar-Rum, ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ إِمَّا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقُهُمْ بَعْضَ  
الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ (٤١)

**Maksudnya:** *Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

Tahniah kepada kepimpinan Sarawak atas segala inisiatif dan usaha yang sangat berkesan ini sehingga Sarawak terkenal hingga di persada dunia, khususnya penjagaan alam sekitar dan penggunaan tenaga hijau yang mesra alam bagi menangani isu perubahan iklim dunia.

Tidak syak lagi, bagi memastikan segala perancangan dan pelaksanaan ini tercapai, serta kejayaan yang dinikmati dapat dipertahankan, maka modal insan yang bukan sahaja mencukupi, bahkan berkualiti dan terlatih adalah amat diperlukan. Oleh sebab itu, umat Islam di Sarawak terutamanya generasi muda janganlah ketinggalan dalam merebut peluang ini. (*Jangan layap, jangan layap, jangan layap !*). Kita perlu berlumba-lumba untuk menimba ilmu dan kemahiran yang diperlukan dengan bersungguh-sungguh, agar dapat turut serta menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negeri. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah ar-Ra'd, ayat 11:

... إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ ...

**Maksudnya:** ... Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri ...

Sesungguhnya, segala usaha ini bertepatan dengan kaedah feqah yang berbunyi:

(( تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوَطٌ بِالْمَصْلَحةِ ))

**Maksudnya:** Sesuatu yang dilakukan pemerintah ke atas rakyatnya adalah bergantung kepada maslahah (kepentingan umum).

Inilah relevannya kemenangan Ramadan yang kita telah usahakan bersama-sama.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatannya, iaitu:

**Pertama:** Kemenangan dan kebahagiaan yang mutlak menyambut Aidilfitri ialah apabila segala amal ibadah kita diterima oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

**Kedua:** Kita hendaklah meneruskan usaha untuk melakukan amal soleh secara istiqamah walaupun setelah Ramadan berlalu.

**Ketiga:** Kita perlu terlibat secara langsung merealisasikan segala matlamat yang telah digariskan oleh kepimpinan negeri dalam penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran, supaya kita bersama-sama mencapai Sarawak Maju dan Makmur.

Marilah kita hayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 148 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُؤْلِيهَا فَإِسْتَبِقُوا أَلْحَى رِتَّ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ  
جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (١٤٨)

**Maksudnya :** *Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

## KHUTBAH KEDUA AIDILFITRI

---

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.  
الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. الْكَلَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### Para Tetamu Allah yang dimuliakan!

Marilah kita bersama-sama menghidupkan suasana Aidilfitri ini dengan amalan ziarah-menziarahi terutamanya terhadap kedua ibu bapa, sanak saudara dan sahabat handai. Leraikanlah segala kekeruhan dengan saling bermaafan bagi mengukuhkan lagi persaudaraan, kasih sayang dan perpaduan sesama kita. Seperti ungkapan dalam peribahasa Melayu "**Biduk berlalu kiambang bertaut**"; "**Buang yang keruh ambil yang jernih**".

Sesungguhnya, sambutan hari raya dalam Islam adalah ibadah. Maka kita hendaklah berusaha supaya kegembiraan dalam berhari raya tidak sesekali bercampur-aduk dengan perkara-perkara berbentuk maksiat dan pembaziran. Jagalah batas aurat dalam berpakaian dan adab dalam pergaulan. Elakkan daripada menyakiti

orang lain dengan alasan sekadar gurauan atau membuat kandungan di media sosial.

Marilah kita raikan kegembiraan dengan cara yang sederhana terutamanya dalam menjamu selera, dan menyediakan juadah untuk rumah terbuka dan sebagainya.

Akhirnya, setelah bergembira merayakan Aidilfitri, bersama-sama lah kita teruskan semangat Ramadan dengan melaksanakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal. Daripada Abu Ayyub al-Ansari *radiallahu anhu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda :

((مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ))

**Maksudnya** : Sesiapa yang berpuasa *Ramadan*, dan diikuti dengan enam hari di bulan *Syawal*, maka ia seumpama berpuasa sepanjang tahun.

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَئِمَّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَّوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ

سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّا سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي  
الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ  
وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ أَلَّا حَيَّاءٌ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan

dahad. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْتَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.